Selangor Kini

PERCUMA
6 - 13 Jun 2014
8 - 15 Syaaban 1435



Usia bukan penghalang kejayaan Siti Zulaikha

muka 7

Juruteknik, pegawai kebajikan dan bidan di setiap pangsapuri

muka 2




# 788 guru, pegawai pendidikan JAIS dinaikkan gaji, pangkat

OLEH **LIZAWATI MADFA**

**SHAH ALAM -** Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) meluluskan kenaikan pangkat dan gaji 788 guru dan pegawai pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali berkata, Kerajaan Negeri akan membuat pembayaran tunggakan berjumlah RM5.7 juta dengan perbezaan daripada Januari hingga Disember sebanyak RM2.4 juta.

> MMKN luluskan pelaksanaan kenaikan pangkat kepada guru dan pegawai perkhidmatan pendidikan JAIS. Harap kelulusan ini juga akan mendorong semua untuk berkhidmat lebih cemerlang dalam usaha melahirkan insan cemerlang
>
> **DR HALIMAH ALI**
> Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan

Katanya, kenaikan pangkat itu akan dibuat secara 'time based promotion' kepada guru dan pegawai pendidikan melibatkan tangga gaji DG 29, DG 32, DG 41, DG 44, DG 48 dan DG 52.

"Hari ini (4 Jun), ada berita gembira apabila MMKN luluskan pelaksanaan kenaikan pangkat kepada guru dan pegawai perkhidmatan pendidikan Jais.

"Harap kelulusan ini juga akan dapat mendorong semua untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dalam usaha melahirkan insan cemerlang," katanya, di sidang media bersama Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersama Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan dan Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi.

Kenaikan kali ini melibatkan seramai 399 orang bagi penjawat pegawai perkhidmatan pendidikan, 353 orang bagi pegawai di tangga gaji DG 29, 37, orang pegawai (DG 32), tiga orang (DG 41), seorang (DG 44), empat orang (DG 48) dan seorang (DG 52).

**TANDA SOKONGAN...** Isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Salbiah Tunut, hadir di program Jualan Amal bagi mengisi tabung atlet paralimpik yang akan bertanding di Incheon, Korea Selatan. Program berlangsung di Stadium MBPJ. Hadir sama Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail dan Setiausaha Agong Majlis Paralimpik Malaysia, Siti Zaharah Abdul Khalid

Gambar oleh Raheemie Arifin



# Beri tempoh sebulan respon isu rampasan kitab Bible

**SHAH ALAM -** Kerajaan Negeri memberi tempoh sehingga Julai kepada Peguam Negara (AG) untuk respon isu rampasan kitab Bible.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata tempoh itu difikirkan sesuai memandangkan kes pengambilan Bible itu sudah melewati enam bulan.

"Kami masih menanti Peguam Negara untuk menyelesaikan perkara ini dan kita meletakkan sasaran, jika tidak, Menteri Besar akan berjumpa dengan Peguam Negara.

"Jadi kita anggap sebulan lagi adalah masa yang boleh diterima," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco, baru-baru ini.

Awal tahun ini, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bertindak mengambil lebih 300 kitab Bible dalam Bahasa Melayu daripada premis Persatuan Bible Malaysia (PBM).

Berikutan pengambilan itu, pelbagai pihak mendesak Kerajaan Negeri bertindak lebih tegas seterusnya memulangkan semula kitab Bible itu.

Bagaimanapun, Abdul Khalid berkata Kerajaan Negeri dinasihati pegawai undang-undang negeri supaya merujuk perkara berkenaan kepada AG terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

# Perlu pendapat MMKN jika libatkan bukan Islam

**SHAH ALAM -** Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mempunyai kuasa untuk bertindak ke atas laporan yang mereka terima, namun diminta dapatkan pandangan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sekiranya operasi Jais melibatkan komuniti bukan Islam.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengingatkan Jais mempunyai Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) untuk dipatuhi, dan tindakan akan diambil terhadap mana-mana pegawai yang gagal berbuat demikian.

"Menurut Jais, itu bukan serbuan, menurut polis itu satu serbuan, menurut kami itu adalah perkara yang memalukan.

"Kita perlu ada sedikit rasa hormat kerana perkahwinan biasanya adalah sesuatu yang besar," katanya.

Pada 1 Jun lepas, Jais menahan Zarina Abdullah Majid yang melangsungkan perkahwinan di sebuah kuil di Petaling Jaya.

Selepas operasi itu, Abdul Khalid serta barisan Exco diberi penerangan daripada

**Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengingatkan Jais mempunyai Tatacara Pengendalian Piawai (SOP) untuk dipatuhi, dan tindakan akan diambil terhadap mana-mana pegawai yang gagal berbuat demikian**

Bahagian Penguatkuasaan Jais berhubung operasi itu.

"Jais memaklumkan bahawa siasatan awal menunjukkan wanita yang terlibat didaftarkan atas nama Islam oleh bapanya atas faktor peribadi tetapi tidak pernah mengamalkan cara hidup dan ajaran Islam," jelas beliau.

Abdul Khalid berkata, Jais menyatakan kesediaan untuk membantu Zarina menyelesaikan masalah berhubung status agamanya.

"Kerajaan Negeri juga arahkan Jais untuk meneliti kes-kes melibatkan orang bukan Islam agar insiden sebegini tidak berulang," katanya lagi.

# Juruteknik, pegawai kebajikan dan bidan di setiap pangsapuri




**Menteri Besar menerima cenderahati berupa buku panduan keselamatan daripada Iskandar**

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM -** Setiap pangsapuri akan disediakan tiga jenis juruteknik bagi menyelenggara kemudahan, serta seorang pegawai kebajikan dan bidan wanita untuk kemudahan asas penduduk.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata program baru itu akan direalisasikan dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Kerajaan Negeri sangat prihatin kepada kehidupan rakyat negeri ini kerana sekurang-kurangnya 1 juta penduduk tinggal di pangsapuri.

"Kita akan sediakan tukang paip, juru eletrik dan juruteknik yang mahir pembaikian lift serta pegawai kebajikan dan bidan wanita yang terlatih," katanya dalam majlis perasmian kursus perdana Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri (Seroja), di Dewan Jubli Perak, baru-baru ini.



**Antara peserta yang hadir ke majlis perasmian kursus perdana Skim Seroja**

Turut hadir Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad dan Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan dan hartanah Selangor, Norzaton Aini Mohd Kassim.

Juruteknik-juruteknik itu kini dalam satu program latihan kelolaan Kerajaan Negeri.

Abdul Khalid menyeru anak-anak muda yang tidak bekerja supaya memohon untuk menyertai program latihan itu, dengan jaminan gaji minima RM1,500 sebulan.

Manakala tenaga kerja bidan wanita dan pegawai kebajikan pula akan diselesaikan dalam dua tahun ini.

# Rampas tanah jika subahat curi pasir

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi amaran keras kepada pemilik tanah supaya tidak membenarkan aktiviti mencuri pasir berlaku dalam kawasan mereka.

Kerajaan Negeri akan memberikan notis rampasan tanah kepada pemilik tanah yang didapati bersubahat.

"Saya nak ingatkan kepada pemilik tanah, sekiranya berlaku pencerobohan atau kegiatan curi pasir atas tanah persendirian, pejabat daerah akan memberi notis rampasan tanah.

"Jadi, pemilik tanah perlu memastikan tanah mereka tidak diceroboh jika tidak mereka akan hilang tanah," katanya dalam sidang media, di Dewan Jubli Perak, selepas merasmikan kursus perdana Skim Keselamatan Kejiranan Pangsapuri (SEROJA), baru-baru ini.

Selain itu, Abdul Khalid turut menafikan dakwaan Pengerusi Perhubungan UMNO Sela-ngor, Datuk Seri Noh Omar yang mendakwa petugas khas Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) tidak berperanan menangani isu curi pasir.

"Saya percaya pegawai daerah dan pihak KSSB melakukan tugas dengan baik dan akan terus menjalankan tanggungjawab beberapa tindakan ke atas kes kecurian pasir," katanya.

# Penjenayah makin tegar, PDRM diminta tambah anggota

**PUCHONG** - Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu menambah bilangan anggota bertugas di kawasan ini dan sekitarnya bagi membanteras kejadian jenayah yang kerap berlaku akhir-akhir ini.

Pada 12 April dan 25 Mei lalu dilaporkan berlaku kejadian jenayah kira-kira jam 4.30 dan 6 pagi membabitkan sekumpulan lelaki bersenjata menyamun dan mencederakan 11 pekerja warga asing di sebuah rumah kedai di Taman Puchong Intan di sini.

Adun Kinrara, Ng Szhe Han berkata beliau dan Ahli Parlimen Puchong, Gobind Singh Deo kerap membangkitkan isu keselamatan penduduk namun tiada tindakan susulan daripada PDRM.

"Puchong mengalami pembangunan begitu pesat dengan pertambahan bilangan peniaga dan penghuni baru yang berpindah ke sini. Namun anggota poilis jauh lebih rendah daripada jumlah penduduk




**Yu Keng Seng menunjukkan gambar pekerja asing yang menjadi mangsa penjenayah**

"Saya rasa lebih bermakna jika wang peruntukan RM75 juta disediakan kerajaan untuk perbelanjaan dua ekor panda disalurkan bagi menambah bilangan anggota polis bertugas di kawasan seperti Puchong untuk bendung jenayah. Saya percaya orang ramai akan lebih gembira," katanya.

Sze Han berkata, dengan populasi penduduk kira-kira 400,000, Puchong memerlukan

> **Saya rasa lebih bermakna jika wang peruntukan RM75 juta disediakan kerajaan untuk perbelanjaan dua ekor panda disalurkan bagi menambah bilangan anggota polis bertugas di kawasan seperti Puchong untuk bendung jenayah**
>
> **NG SZHE HAN**
> Adun Kinrara

bilangan anggota polis yang lebih dan berharap Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar memandang isu itu dengan serius.

"Pekerja asing yang jadi mangsa memang sasaran kumpulan samseng seperti ini. Ia tidak setakat berlaku di sini tetapi juga di kawasan sekitar.

"Kita akan adakan majlis dialog membabitkan pengurusan kilang dan pekerja di Kawasan Perindustrian Puchong dianjurkan Jawatankuasa Penduduk dan Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM)," katanya.

Sementara itu, majikan kepada mangsa samun, Yu Keng Seng, berkata kejadian jenayah yang kerap berlaku memberi tekanan mental kepada pekerja asing.

"Kita minta polis bertindak segera bagi mengatasi masalah ini kerana kini semua pekerja warga asing yang tinggal di premis ini berasa takut dengan keselamatan mereka," kata Keng Seng.

Dalam dua kejadian itu, sekumpulan penjenayah bersenjata datang dengan beberapa buah kereta menyerang kumpulan pekerja warga asing. Sejumlah wang tunai, kad ATM dan telefon bimbit dilarikan penjenayah.



# Kegelojohan beragama jejas kesucian Islam

Selangorkini EDITORIAL

Islam agama rasmi Malaysia - itu muktamad. Namun, ia bukan lesen besar untuk sesiapapun, baik individu mahupun organisasi memperleceh agama lain kerana mereka juga punya hak dalam Perlembagaan.

Apatah lagi, pandangan manusia dan kelompoknya berbeza-beza, pendirian dan kepercayaan juga tidak sama.

Dan sebagai manusia yang manusiawi, harus hormat-menghormati demi memelihara perpaduan sedia ada yang kerap diadu domba politikus berkepentingan.

Maka, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) sepatutnya membuat penelitian ketika menyerbu majlis perkahwinan agama lain supaya tiada kesilapan dikesali.

Apatah lagi, Selangor sudah mensyaratkan kes membabitkan bukan Islam perlu mendapat kebenaran Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Ini SOP (Standard of Procedure) yang ditetapkan bagi dapat memastikan reputasi Islam tidak dibusukkan dengan kegelojohan manusia.

"Menurut Jais itu bukan serbuan, menurut polis itu satu serbuan, menurut kami itu adalah perkara yang memalukan.

"Kita perlu ada sedikit rasa hormat kerana perkahwinannya biasanya adalah sesuatu yang besar," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Namun, ia berulang kembali.

Selepas isu rampasan Bible, gangguan di majlis perkahwinan seorang perempuan, Zarinah Abdul Majid yang tidak lagi mengamal Islam sebagai pegangan, kendatipun nama pengantin itu bunyinya masih Islam.

Jangan pula nanti, bukan Islam menyalahkan serbuan itu sebagai balas dendam kerana gagal membela akidah pengantin yang bapanya mualaf itu.

Ramai umat Islam juga tertanya-tanya, bagaimana anak kepada seorang mualaf, lenyap akidahnya sebagaimana hilangnya Jais dalam tempoh berkenaan.

Sepatutnya, Jais membantu Zarinah menyelesaikan masalah status Islam selepas berulang-alik ke Mahkamah Syariah dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sejak tujuh tahun lalu.

Jika 'masalah tujuh tahun' itu selesai, ribut-ribut begini tidak berlaku, tidak lagi menyesakkan kehidupan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

*Ketua Pengarang*

SelangorKini
SIDANG PENGARANG
**PENASIHAT:** Faekah Husin
Arfa'eza Abdul Aziz
**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit
**PENGARANG BERITA:** Hafiizh Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim
**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,
Afix Redzuan : afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa : lizalyn84@gmail.com,
Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim : nazliibrahim@gmail.com,
Norfarahidayu Baharudin : ayu_tvs@yahoo.com
**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB
Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com




**Menteri Besar, menyampaikan peralatan keselamatan kepada wakil pangsapuri**

# Selangor sasar 1,313 pangsapuri sertai Skim SEROJA

OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM -** Kerajaan Negeri mensasarkan 40 buah pangsapuri menyertai skim keselamatan kejiranan pangsapuri (Seroja) pada tahun hadapan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Samad, berkata tambahan 40 buah pangsapuri itu menjadikan jumlah keseluruhan pangsapuri selamat sebanyak 50 buah, dengan peruntukan operasi RM1 juta daripada Kerajaan Negeri.

**Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kewangan berbentuk set peralatan, geran tahunan, sumbangan khairat kematian dan sumbangan untuk kecederaan bagi peronda keselamatan sebanyak RM2,000 hingga RM10,200.**

"Bantuan skim ini akan dapat dijadikan pemangkin kepada penduduk setempat menjaga dan mengambil tanggungjawab keselamatan penduduk di pangsapuri yang duduki," katanya ketika majlis perasmian kursus perdana Skim Seroja, di Dewan Jubli Perak, baru-baru ini.

Iskandar berkata Kerajaan Negeri mensasarkan 1,313 pangsapuri menyertai Seroja menjelang 2020.

Lima strategi diguna pakai merealisasikan skim itu, antaranya penubuhan pasukan sukarelawan cegah jenayah melalui Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Jawatankuasa Pengurusan (MC), serta penyelarasan program keselamatan bersepadu melibatkan rukun tetangga, persatuan penduduk, persatuan seni bela diri, Rakan COP, persatuan belia dan persatuan wanita.

Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan kewangan berbentuk set peralatan, geran tahunan, sumbangan khairat kematian dan sumbangan untuk kecederaan bagi peronda keselamatan sebanyak RM2,000 hingga RM10,200.

"Perkongsian pintar bersama pasukan polis untuk penyelesaian isu keselamatan di pangsapuri secara menyeluruh.

"Amalan terbaik dalam aspek keselamatan yang dilaksanakan oleh mana-mana pangsapuri dimodelkan dan dihebahkan sebagai perkongsian pengetahuan pangsapuri lain," katanya.




**Dr Halimah bersama sebahagian daripada peserta Engaged Learning and ICT for Development in the University Curriculum di Hotel Concorde Shah Alam**

# Selangor digesa pelopori reformasi pendidikan

OLEH **LIZAWATI MADFA**

**SHAH ALAM** - Pengerusi Asian Institute for Development Communication (AIDCOM), Datuk A Kadir Jasin, berkata Kerajaan Negeri mempunyai kemampuan untuk membuka laluan mereformasikan pendidikan negara melalui Universiti Selangor (Unisel)

Kerajaan Negeri digesa mengorak langkah dengan mempelopori strategi 'pembelajaran berketerlibatan' atau engaged learning.

"Kita mahu bukan sahaja di peringkat universiti, tetapi turut mendekati peringkat tadika membetulkan yang tidak betul dan memperkasakan apa yang betul.

"Kita mahu setiap inci Selangor ini menjadi tempat belajar untuk mencari dan menyebarkan ilmu," katanya di sidang media, seusai Persidangan Engaged Learning and ICT for Development in the University Curriculum di Hotel Concorde Shah Alam, baru-baru ini.

**Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memilih Unisel sebagai penganjur pertama Persidangan Engaged Learning di benua Asia. Persidangan itu disertai 120 peserta dari 23 buah negara dan dianjurkan dengan kerjasama AIDCOM, Universiti Cornell dari Amerika Syarikat, dan Pusat Latihan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) Asia dan Pasifik-PBB (UN-APCICT).**

Engaged learning merupakan strategi pendidikan yang mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari di sekolah dalam lingkungan awam, sambil menyumbang kepada pembangunan masyarakat.

Mengabungkan pembabitan sivik dan kerja kursus akademik, engaged learning yang digembleng melalui ICT mewujudkan lapangan pendidikan yang kaya dengan maklumat, sekaligus merangsang inovasi.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memilih Unisel sebagai penganjur pertama persidangan engaged learning di benua Asia. Persidangan itu disertai 120 peserta dari 23 buah negara dan dianjurkan dengan kerjasama AIDCOM, Universiti Cornell dari Amerika Syarikat, dan Pusat Latihan Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) Asia dan Pasifik-PBB (UN-APCICT).

"Kalau Unisel mampu melaksanakan kesimpulan dan penemuan daripada persidangan diadakan pada hari ini (3 Jun), saya rasa universiti ini mampu menjadi pelopor. Kami hanya bertindak sebagai pemudah cara yang lain terserah kepada Unisel," kata Kadir.

Menyambut saranan itu, Kerajaan Negeri berkata persidangan itu merupakan usaha untuk merakyatkan ilmu dengan kemajuan teknologi semasa.

"Kita mahu pastikan usaha ini dapat dinikmati bukan sahaja mereka yang berada di bandar, tetapi juga rakyat di luar bandar serta kurang berkemampuan," tegas Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.



**Peserta persidangan khusyuk mendengar topik yang sedang diperbincangkan**

## APA ITU KETERLIBATAN

**PENDIDIK** masih belum mencapai kata sepakat makna keterlibatan dalam pendidikan anak-anak, serta mengapa pentingnya keterlibatan dalam pembelajaran, berbanding ciri-ciri lain seperti kesengajaaan (*intentionality*), pelbagai disiplin (*multidiscipline*), keseimbangan lebar (breadth) dan kedalaman (*depth*), kompleksiti, integrasi, dan kesedaran kontekstual (*contextual awareness*).

Secara umumnya, pendidik memahami keterlibatan dalam empat bentuk yang berbeza tetapi berkaitan:

1. Terlibat dalam proses pembelajaran: merangsang nyalarasa (*passion*) pelajar supaya fokus kepada apa yang diajarkan. Menyamai *active learning*.

2. Terlibat dengan objek yang dikaji: periksa, mencirikan, mengupas dan menilai objek seraya membina pengetahuan dari proses itu. Menyamai *experiential learning*.

3. Terlibat dengan konteks: menyadur kejituan analitik dengan perspektif daripada pelbagai displin seperti alam sekitar, sosial, ekonomi, tatarakyat (*civic*) dan etika. Menyamai *multidisciplinary learning* dan *service learning*.

4. Terlibat dengan keadaan manusia: menyadur kejituan analitik dengan perspektif dari sosiobudaya manusia.

Secara asasnya, konsep keterlibatan percaya ilmu harus dialami, bukan sekadar disalin dari papan hitam. Keterlibatan mahu melahirkan insan yang sedia mendengar dan sudi belajar dari persekitaran, dan membuka mata pelajar akan impak mereka dalam menyelesaikan masalah sebenar, dengan kesedaran bahawa satu-satu isu berkait dengan isu-isu lain.

# MB ajak rakyat sertai Dialog Belanjawan Selangor 2015

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri akan menganjurkan Majlis Dialog Belanjawan 2015 sebagai persediaan awal merangka Belanjawan 2015 Negeri Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata antara topik yang akan dibincangkan membabitkan pembangunan hartanah, pengurusan sisa pepejal, memajukan pendidikan dan pendidikan Islam, pengurusan air dan zon industri khas.

Selain itu katanya, turut diberi perhatian ialah topik memperkasakan komuniti pangsapuri, isu wanita dan kemiskinan, sains dan teknologi bidang serta sukan dan infrastruktur.

"Para pembentang kertas kerja terdiri daripada pakar-pakar dari dalam dan luar negara manakala Exco Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai moderator," katanya dalam sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, di Bangunan SUK, baru-baru ini.

Majlis Dialog Belanjawan 2015 akan diadakan di Shah Alam Convention Centre pada 9 hingga 10 Jun dengan bertemakan 'Mendepani Cabaran dan Peluang Ekonomi Demi Kecemerlangan Selangor'.

Majlis itu diadakan di peringkat pihak berkuasa tempatan bagi mendapatkan pandangan orang ramai dan dijadikan panduan kepada Kerajaan Negeri menyiapkan Belanjawan 2015.



**Menteri Besar sewaktu sidang media selepas Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri**

## Hasil kutipan permit pasar meningkat

OLEH **HAFIZAN TAIB**

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menjangkakan hasil kutipan permit pasar pagi dan malam bagi tahun ini bertambah sebanyak RM400,000, menjadikan jumlah keseluruhan kira-kira RM3.4 juta.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohammad Yacob berkata, penambahan jumlah itu berdasarkan perkembangan pasar yang menyakinkan sejak beberapa tahun lalu.

"Jumlah kutipan permit pasar pagi dan malam yang diperolehi setahun adalah sebanyak lebih kurang RM3 juta.

"Dijangkakan penambahan hasil kutipan permit pasar pagi dan malam bagi tahun ini akan meningkat sebanyak RM400,000," katanya.

Sebelum ini, Selangor Kini melaporkan pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) tidak berpuas hati kerana hilang punca pendapatan selepas kutipan sewa diambil-alih Kerajaan Negeri.

Mohamad berkata, pasar-pasar pagi dan malam di bawah wilayah MPK berkembang pesat kerana diurus secara berkesan.

MPK sentiasa berkerjasama dengan ahli majlis bagi memastikan urusan pengambilalihan operasi tapak pasar berjalan lancar dan sistematik. Kajian turut dilakukan di semua tapak-tapak pasar pagi dan malam bagi melihat keperluan penjaja.

Katanya lagi, tindakan pemantauan dan kawalan penguatkuasaan di seluruh pasar pagi dan malam dilakukan secara bersepadu sejak Januari lalu dengan waktu operasi bermula dari jam tiga petang hingga selesai kerja-kerja pembersihan tapak pasar malam dan pasar pagi.

"Pegawai dari Jabatan Pelesenan dan anggota penguatkuasa akan ditempatkan di tapak-tapak pasar malam untuk kawalan lalu lintas, pengu-atkuasaan peniaga tanpa lesen dan peniaga warga asing.

Besi penghadang dan kon akan diletakkan di sempadan tapak pasar malam dan juga kawasan-kawasan larangan berniaga bagi memastikan tiada limpahan peniaga di luar petak," tegas Mohammad.



**Kon diletakkan di sempadan tapak bagi mengelakkan peniaga berniaga di luar petak**

## Kontraktor bermasalah bakal tersingkir

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak teragak-agak menamatkan perkhidmatan kontraktor yang gagal menjalankan tugas selain kualiti kerja tidak memuaskan pihak berkenaan.

Setakat ini, MPK menamatkan perkhidmatan lapan kontraktor yang gagal menjalankan kerja-kerja kutip sampah, bersih longkang dan potong rumput di kawasan seliaan masing-masing.

"Kerja-kerja pemotongan rumput dan kutipan sampah itu yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan Persekitaran (JPP) setelah pihak yang bertanggungjawab dilihat gagal menjalankan tugasan seperti yang diarahkan.

"Masalah itu menyebabkan kutipan sampah dan kerja-kerja pemotongan rumput terpaksa dilakukan segera untuk mema-stikan isu berkaitan dapat diselesaikan bagi menjamin keselesaan penduduk," kata Yang Dipertua MPK, Datuk Mohammad Yacob.

Antara kawasan bermasalah yang diambil alih MPK, Persiaran Kasuarina (Belakang Jalan Kiara), Persiaran Botanik, Jalan Jenaris, Jalan Jasmin, Jalan Jejawi manakala kerja-kerja kutipan sampah longgok juga telah dijalankan iaitu di Jalan Bidara 5, Lengkuk Rhu 2 dan Jalan Kiara 5.

Mohammad berkata, MPK akan terus mengawasi lokasi terlibat kerana sikap penduduk yang gemar membuang sampah kebun dan pukal (seperti perkakas rumah).

"Bagi pembersihan kawasan termasuk sapuan kawasan perniagaan akan dilakukan setiap hari, pemotongan rumput dan pembersihan longkang sebanyak dua kali sebulan, manakala pembersihan sampah kebun, pukal dan haram tiga kali seminggu.

# Usia bukan penghalang kejayaan Siti Zulaikha

USAHAWAN MIMBAR BERJAYA

OLEH **NORFARAHIDAYU BAHARUDIN**

**AL-QURAN,** songkok, barangan haji serta umrah, cantik terletak di rak. Begitu juga jubah lelaki dan perempuan yang bergantungan di kaki lima kedai.

Sekali pandang, siapa sangka pemilik kedai itu merupakan seorang gadis muda, anak bongsu daripada 6 beradik. Siti Zulaikha Samsudin, atau lebih mesra dipanggil Ika.

> Dari kecil lagi kami telah didedahkan pada dunia perniagaan. Dan kini saya dibantu ibu, orang yang banyak mendorong kejayaan saya hari ini
>
> **SITI ZULAIKHA**
> Pemilik Kedai

Menurut Ika, usia muda bukan penghalang untuk beliau mengambil langkah berani meluaskan perniagaan Muhammad Setor yang terletak di Pasar Jawa, Klang itu.

Semuanya bermula dari minat yang mendalam terhadap dunia perniagaan. Ditambah keluarga Ika sendiri telah mula berniaga sejak 1985 lagi, dengan membuat dan menjual songkok.

"Memang keluarga telah lama menceburi bidang ini, sejak zaman arwah datuk lagi. Waktu itu kami sekeluarga menjual songkok buatan sendiri," bicaranya petah.

Bagi memperkembangkan perniagaan, Ika menyampaikan hasrat hatinya kepada ayah untuk memiliki kedai pakaian yang diuruskannya sendiri.

"Ayah saya ada kedai pakaian islamik di Bangunan Mara, Klang. Jadi sebelum saya memulakan perniagaan, saya beritahu dahulu niat saya kepada ayah.



"Alhamdulillah... ayah menyokong sepenuhnya hasrat saya itu. Malah beliau banyak membantu," jelasnya.

Ika menjadikan kegigihan ayahnya, Samsudin Muhammad, 61, sebagai mentor untuk dirinya terus maju ke hadapan.

"Saya rasa ayah mentor terbaik untuk saya, walaupun ayah bukan seorang pensyarah, namun pengalaman berniaga yang ayah miliki, pasti belum ada pensyarah yang dapat menandinginya," ujar gadis berusia 24 tahun itu.

Tambah Ika, dalam keluarga, bukan dia dan ayahnya sahaja yang berniaga, abangnya, Muhammad Qahiruddin Samsudin, 26, turut membuka kedai menjual barangan bercorak islamik.

"Dari kecil lagi kami telah didedahkan kepada dunia perniagaan. Dan kini saya dibantu ibu, orang yang banyak mendorong kejayaan saya hari ini," katanya bangga.

Ibunya, Siti Rahaya Sadli, 57, berkata mereka sekeluarga sangat menyokong usaha Ika kerana yakin Ika boleh menguruskan perniagaannya dengan baik walaupun usianya masih muda.

"Ika memang berani dan saya sangat yakin dengan semangat serta usahanya. Sementelah, Ika banyak bertanya kepada ayahnya sebelum mengambil sebarang tindakan ataupun keputusan." jelas ibunya.

Ketika berusia 22 tahu, Ika mengetahui Program Mikrokredit Miskin Bandar (MiMBAR) yang mengenakan pinjaman tanpa faedah kepada peniaga Selangor yang berkelayakan.

Tanpa membuang masa, pada tahun 2012, beliau membuat pinjaman MiMBAR sebanyak RM3,000.

"Daripada pinjaman itu, saya gunakan sebagai modal untuk penuhkan barang di kedai. Pada saya tiada istilah 'try and error' sebab saya yakin pada rezeki Allah. Saya harus berani melangkah.

"Sementelah, MiMBAR banyak membantu, bukan sahaja beri pinjaman, tetapi juga ilmu.

"Apa yang paling saya suka, MiMBAR beri pelbagai peluang dan kursus yang sangat berguna, selain dapat melonjakkan semangat saya untuk berniaga," tambahnya.

Inilah yang mendorong gadis manis ini meneruskan perniagaan, walaupun sesekali melalui detik 'pedih' apabila pakaian yang dijual dicuri orang yang lalu lalang di kaki lima kedainya.

Saat ditanya tentang pelajaran, Ika menegaskan beliau masih mahu melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, tetapi waktu masih belum mengizinkan.

"Saya memang mahu melanjutkan pelajaran, tetapi belum tiba masanya lagi. Saya mahu kukuhkan perniagaan saya dulu, nak tambah pekerja supaya ada orang yang boleh menjaga kedai sewaktu ketiadaan saya," katanya.





Sebahagian daripada pelajar cemerlang DUN Kota Anggerik diraikan dalam satu majlis penghargaan. Majlis dirasmikan Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari. Seramai lebih kurang 348 orang pelajar SPM yang mendapat 7A hingga 11 A menerima sumbangan




Dataran Pantai Morib dimeriahkan dengan acara 'Retromania Grand Gathering' terbesar di Malaysia yang menghimpunkan ribuan motosikal klasik. Program yang menarik kira-kira 10,000 pengunjung ini berjaya mencipta sejarah Malaysia Books Of Records. Program dirasmikan Adun Morib, Hasnul Baharuddin



Adun Tanjung Sepat, Haslin Hassan, mengiringi Exco Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehen Mukhyi, melawat ladang nenas di Kampung Kundang



Adun Ijok, Dr Idris Ahmad, mengkalungkan medal kepada pemenang di Majlis Sukan Tahunan 2014, SJKC Yuk Chih




Program Alam Ria Cuti Sekolah anjuran Biro Wanita JKKK Kampung Meru. Kelihatan Adun Meru, Dr Rani Osman menyampaikan hadiah kepada pemenang

# Loji berbau busuk, penduduk tertekan

**BARU**-baru ini Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, turun padang melawat Taman Seri Rasa, meninjau loji kumbahan yang terbiar serta berbau busuk selama empat tahun.

"Harap sangat masalah ini dapat ditangani segera. Penduduk dah puas bersungut.

"Selesaikan secepat mungkin, tidak kiralah sama ada diselenggara semula atau buat loji kekal. Lagipun loji ini hanya loji sementara," katanya.

Menurut beliau, terdapat cadangan supaya pihak lain mengambil alih urusan penyelenggaraan sistem pembentungan tersebut, supaya penduduk tidak menjadi mangsa keadaan.

Malah menurut beliau, perkara tersebut pernah didedahkan kepada media pada 2010, namun masih tiada penyelesaian.

**LEE KEE HIONG**
Adun Kuala Kubu Bharu



# Ziarah rumah ke rumah

**ADUN** Taman Templer, Zaidy Abdul Talib, mengadakan program ziarah ke rumah insan yang tidak bernasib baik.

Dalam program itu, beliau berkesempatan menziarahi Haji Yahya Ali atau lebih dikenali sebagai Pak Ya, berusia 85 tahun. Pak Ya yang merupakan bekas siak surau Batu 16, Rawang itu, kini terlantar di rumahnya kerana sakit tua.

"Walaupun berusia 85 tahun, ingatan beliau masih kuat dan lancar bersembang. Sesekali terhibur dengar lawaknya," kata Zaidy ketika menziarahnya.

**ZAIDY ABDUL TALIB**
Adun Taman Templer



# Menyantuni warga emas

**WARGA** Emas di Kampung Bagan Lalang, Sungai Samak, Teluk Intan, terharu dengan kesudian Adun Sijangkang, Dr Yunus Hairi, memberi khidmat kesihatan percuma kepada penduduk di situ, sempena Pilihan Raya Kecil (PRK) di DUN itu baru-baru ini.

"Program ini, sebagai tanda prihatin kita kepada warga emas di negeri ini. Mereka sebahagian daripada aset negara dan sewajarnya kita hargai mereka," katanya.

Program tersebut, turut dihadiri Pesuruhjaya PAS Selangor, yang juga Adun Chempaka, Iskandar Samad

**DR AHMAD YUNUS HAIRI**
Adun Sijangkang




## KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)** atau **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), UNIT PERANCANGAN EKONOMI NEGERI SELANGOR** dan **JABATAN PERHUTANAN NEGERI SELANGOR** bagi tahun **2014** adalah dipelawa untuk menyertai sebutharga seperti jadual berikut :-

| NO. TAWARAN SEBUTHARGA | TAJUK KERJA | Kelas/Kepala /Sub-Kepala | Tarikh Lawatan Tapak | Tempat Taklimat dan Lawatan Tapak |
|---|---|---|---|---|
| PHN.SEL.(SL) 14/2014 | Kerja–Kerja Menaiktaraf Bangunan Dewan Taklimat Dan Tapak Semaian Di Kawasan Pusat Kecemerlangan Hutan Paya Gambut Di Dalam Kompartmen 73, Hutan Simpan Raja Musa Batang Berjuntai, Hulu Selangor, Selangor. | 'F' Kepala I/ Sub Kep. 1 atau CIDB Kod G1-B | 10 Jun 2014 Selasa | Pejabat Renj. Hutan Batang Berjuntai, Hulu Selangor Jam 10.00 pagi |
| PHN.SEL.(SL) 15/2014 | Kerja–Kerja Menyelenggara Jalan Sediada Dari Parit 4 Hingga Parit 8 Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Dalam Kawasan Kompartmen 100, Hutan Simpan Raja Musa Batang Berjuntai, Hulu Selangor, Selangor. | 'F' Kepala IV/ Sub Kep. 1 atau CIDB Kod G1-CE | 10 Jun 2014 Selasa | Pejabat Renj. Hutan Batang Berjuntai, Hulu Selangor Jam 11.30 pagi |
| PHN.SEL.(SH) 01/2014 PLP | Kerja–Kerja Membaikpulih Rumah Kuarters Di Kawasan Kompleks Perumahan Jabatan Perhutanan, Sungai Dua, Pelabuhan Klang, Selangor. Darul Ehsan | 'F' Kepala I/ Sub Kep. 1 atau CIDB Kod G1-B | 10 Jun 2014 Selasa | Pejabat Renj. Hutan Pelabuhan Klang, Sungai Dua, Klang, Selangor Jam 2.30 petang |

2. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi mulai **11 Jun 2014 (Rabu)** pada waktu pejabat di **Unit Hasil, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor** dengan bayaran **RM50.00** setiap naskah dalam bentuk **Wang Pos** atau **Draf Bank** atas nama **Bendahari Negeri Selangor**.

3. Kontraktor perlu mengemukakan sijil asal Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang masih sah tempohnya semasa membeli borang sebutharga. **Salinan fotostat tidak akan diterima**.

4. Kontraktor adalah **diwajibkan untuk menghadiri lawatan tapak dan taklimat** seperti jadual diatas.

5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeteri dan ditulis di penjuru kiri sampul surat Nombor Tawaran Sebutharga dan dikembalikan kepada:

**Pengarah,**
**Jabatan Perhutanan Negeri Selangor,**
**Tingkat 3, Bangunan SSAAS,**
**40660 Shah Alam,**
**Selangor Darul Ehsan**

6. Tarikh tutup sebutharga adalah pada **19 Jun 2014 (Khamis)** tepat **Jam 12.00 tengahari**.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SELANGOR**

# Teknik SPAH tangani masalah alam sekitar

OLEH **AFEEQA AFEERA**

**PETALING JAYA** - Pemaju digesa menyokong perlaksanaan Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) bagi membantu usaha Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mencermatkan penggunaan sumber air dan memelihara alam sekitar.

Datuk Bandar, Datin Paduka Alinah Ahmad ***(gambar)*** berkata SPAH membantu mengurangkan tekanan ke atas bekalan air utama, selain menjimatkan kos pemprosesan dan pembekalan air. SPAH juga diyakini mengurangkan risiko banjir kilat.

"Usaha ini sangat memerlukan komitmen daripada pihak pemaju," katanya ketika Mesyuarat Penuh MBPJ, baru-baru ini.

MBPJ menguatkuasakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 (Pindaan 2012) mewajibkan pemasangan SPAH dalam pembangunan baru seperti kediaman sesebuah dan berkembar, bangunan kerajaan, industri, institusi dan komersial.

Alinah menjelaskan SPAH hanya perlu dipasang di bangunan yang mempunyai keluasan kawasan bumbung sama atau melebihi 100 meter persegi, dengan tangki bersaiz minima tiga meter padu.



> Antara projek perintis yang pernah dijalankan adalah pada 189 unit rumah teres PKNS di Kota Damansara dan Kompleks Membeli Belah One Utama pada tahun 2003
>
> **ALINAH AHMAD**
> Datuk bandar Petaling Jaya

Setakat ini, 672 pembangunan sudah disyaratkan melaksanakan sistem itu sejak tahun 2010 sehingga April lalu.

"Antara projek perintis yang pernah dijalankan adalah pada 189 unit rumah teres PKNS di Kota Damansara dan Kompleks Membeli Belah One Utama pada tahun 2003.



*Gambar sumber internet*

"Dengan kos pembinaan sejumlah RM1.16 juta dan kapasiti simpanan air 2.3 juta gelen pada satu-satu masa, ia mengurangkan bil air di One Utama sehingga RM30,000 sebulan," katanya.

Kos pemasangan SPAH pada rumah banglo dan rumah berkembar dianggarkan antara RM3000 hingga RM5000.

**LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR**

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

| Butir-Butir Tawaran | Syarat-Syarat Pendaftaran | Harga Dokumen | Tarikh dan Tempat Lawatan Tapak | Pembelian Dokumen |
|---|---|---|---|---|
| Kerja-Kerja Mengecat Keseluruhan Di Luar Bangunan Serta Kerja Yang Berkaitan Di Pangsapuri Subang Perdana Court 2, Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan<br><br>No Tender: LPHS/T/K/14/03 | Berdaftar dengan CIDB Memegang **Perakuan Pendaftaran Kontraktor** dan **Sijil** Perolehan **Kerja Kerajaan**<br>**Gred: G3**<br>**Kategori: B**<br>**Pengkhususan: B04 & B14**<br><br>Berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor | **RM140.00**<br>**(Tidak Akan Dikembalikan)**<br><br>Bayaran dalam bentuk Draf Bank/ Kiriman Wang atas nama:-<br>**Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor** | **Khamis**<br>**12 Jun 2014**<br><br>Jam 10.00 pagi<br><br>Pejabat Pihak Pengurusan Bangunan<br><br>**Lawatan tapak adalah WAJIB** | **Bermula 12 Jun 2014 sehingga 25 Jun 2014**<br><br>*Waktu Pejabat:- (8.30 pagi – 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang)*<br><br>*Kecuali Jumaat (8.30 pagi – 12.00 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.00 petang)* |

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **12 Jun 2014 (Khamis)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor.

Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada **pemilik syarikat/penama yang dinamakan** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja. Untuk maksud ini, pemilik syarikat/penama tersebut hendaklah membawa dokumen asal Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN Selangor** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Sila bawa bersama **Cop Syarikat.**

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari 2 Julai 2014 (Selasa)**, kepada:-

**PENGARAH EKSEKUTIF**
**Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor**
**Tingkat 5, Podium Utara,**
**Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
**40503 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**
**No Tel: 03-5544 7906, No Faks: 03-5510 4137**

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
Kenyataan tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor seperti berikut: http://lphs.selangor.gov.my

# Jadikan pantas, cekap sebagai budaya kerja

**PETALING JAYA** - Elemen utama menjadikan Petaling Jaya bandaraya mampan dan berdayahuni adalah sistem perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang pantas dan berkesan.

Datuk Bandar, Datin Paduka Alinah Ahmad menggesa warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menerapkan budaya penambahbaikan yang berterusan, dan mengakar nilai kerja yang menitikberatkan manfaat maksima untuk warga Petaling Jaya.

> Antara anjakan di saran adalah membasmi sikap mudah berpuas hati dengan hasil kerja yang dilaksanakan, serta memperkasa fenomena bekerja yang cekap

"Kita bertanggungjawab memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk dan masyarakat umum yang dapat memenuhi jangkaan, perkhidmatan memudahkan, efisyen, telus, responsif dan proaktif.

"Jangkaan tinggi penduduk memberi impak kepada semua warga kerja MBPJ dan seiring dengan itu kita harus bersiap siaga menghadapi perubahan dan gelombang baru dalam sistem penyampaian perkhidmatan," katanya pada Mesyuarat Penuh MBPJ, baru-baru ini.

Antara anjakan di saran adalah membasmi sikap mudah berpuas hati dengan hasil kerja yang dilaksanakan, serta memperkasa fenomena bekerja yang cekap.

## Ambil alih plaza daripada swasta

# MPK sasar untung lebih RM1 juta





**Atas: Mohammad, mengadakan sidang media selepas lawatan ke Plaza MPK Kiri, bawah: Bertemu dan bertanya permasalahan peniaga di plaza tersebut**



OLEH **NORHAYATI UMOR**

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) dijangka mengaut keuntungan lebih RM1 juta tahun ini melalui pengambilalihan pengurusan Plaza MPK daripada kontraktor swasta.

Yang Dipertua MPK, Mohammad Yacob berkata pengambilalihan Februari lalu itu dapat mengurangkan lebih 60 peratus kos yang ditanggung MPK.

Katanya, bagi fasa pertama, MPK terpaksa mengeluarkan kos bagi membaik pulih plaza berkenaan.

Namun, beliau menegaskan masalah kos tidak menjadi penghalang.

“Bagi memastikan suasana lebih selesa, sistem penghawa dingin akan dipasang walaupun kos tinggi.

“MPK juga akan membaik pulih laluan masuk ke plaza selain menukar pintu asal kepada pintu cermin dan unit kedai,” katanya dalam lawatan ke Plaza MPK baru-baru ini.

Mohammad berkata, MPK juga akan membuat promosi sewaan kepada peniaga dengan memberikan diskaun kepada penyewa yang berminat.

“MPK juga akan membawa masuk beberapa pasar raya bagi mengantikan Mydin yang akan tamat kontrak,” katanya.



# Daulat Tuanku

*Merafak Sembah dan Ucapan Setinggi-Tinggi Tahniah*
*Kepada*





Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala Memberkati Pemerintahan

## SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XIV ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH

D.K., D.K.H., D.K.M., D.M.N., D.U.K., D.M.K.,D.K.(Kelantan), D.K.(Pahang),
D.K.(Selangor), D.K.(Perlis), D.K.(Negeri Sembilan), D.K.(Johor), D.K.(Terengganu),
D.K.(Perak), D.K.(Brunei), D.P.(Sarawak), D.U.N.M, S.M.D.K, S.H.M.S, S.G.M.K, S.P.M.K., S.S.D.K.,
Grand Cordon of The Order Of The Rising Sun of Japan, Bintang Maha Putra Adipradana (Indonesia),
Order of The Rammata Thailand, Honourable Knight Grand Cross Order of The Bath of U.K.,Asso. Knight Order of St. John., Hon. Ph.D (UUM).
Collar of the Supreme Order of the Chrysanthemum and Grand Cordon of the Supreme Order of the Chrysanthemum (Japan).
The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand)

*Sempena*

**Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Baginda**

*Pada*

**7 Jun 2014 Bersamaan 9 Sya'aban 1435H**

*Sembah Takzim Daripada*

***Ahli Perbadanan, Pengurus Besar Dan Kumpulan Pengurusan, Syarikat Anak Serta Semua Anggota PKNS***

**PKNS**

*dan*

**Syarikat Anak**

PKNS ENGINEERING & CONSTRUCTION BHD
SELANGOR INDUSTRIAL CORPORATION
selaman
PKNS INFRA BERHAD
DE PALMA HOTEL
WORLDWIDE HOLDINGS
SACC SHAH ALAM CONVENTION CENTRE
AKADEMI PKNS
PKNS HOLDINGS
DATUMCORP INTERNATIONAL
PKNS REAL ESTATE


MBPJ
MATTA
SELANGOR
Visit
Looking For Best Travel Deals?
TRAVEL
FAIR
20th - 22nd JUNE 2014
10.00 AM - 9.00 PM, SUNKEN PLAZA, MBPJ TOWER
Jalan Tengah, Section 52 City Centre, Petaling Jaya, Selangor

# Pembersihan 'in house' lancarkan urusan MBSA

OLEH **LIZAWATI MADFA**

**SHAH ALAM** - Satu jabatan khas akan diwujudkan bagi melicinkan pengurusan sisa pepejal dalam wilayah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam itu akan bertanggungjawab untuk mengambil alih 30 peratus aktiviti kutipan sampah dan pembersihan awam untuk diletakkan di bawah pentadbiran MBSA.

Datuk Bandar, Datuk Jaafar Mohd Atan, berkata jabatan itu akan ditubuh secara rasmi Julai hadapan.

"Jika ada 100 kontraktor yang menyapu sampah, sapu longkang dan memotong rumput, maka 30 daripadanya mesti berada di bawah pentadbiran MBSA menjelang tahun 2016," katanya.

Langkah itu adalah selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri, dan menurut Jaafar, kertas cadangan penubuhan jabatan itu sudah dibentangkan di Mesyuarat Penuh MBSA baru-baru ini.

Menurutnya lagi kos penubuhan jabatan baru itu tidak melebihi RM1.5 juta.

MBSA mempunyai enam buah kompektor dan dijangka bertambah lagi dua menjelang hujung tahun ini bagi melancarkan kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.



**Menambah baik sistem sedia ada bagi memastika Shah Alam bersih dan selesa diduduki**


**PKNS**

**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**
**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa** ini bagi kerja-kerja berikut:-

| BUTIR-BUTIR TAWARAN | SYARAT PENDAFTARAN | TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL | TARIKH TENDER DITUTUP |
|---|---|---|---|
| TajukProjek<br>CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN KERJA-KERJA "TESTING & COMMISIONING" DAN PEMASANGAN TANGGA DI DALAM "CORE WALL" SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG BERKAITAN UNTUK PENYERAHAN SISTEM TANGKI AIR DI LAMAN 1, BERNAM JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.<br><br>No. Kontrak<br>PKNS/IP/BJ/KON-21/2013 | CIDB :<br>Gred G4 & G5<br>Kategori B<br>Pengkhususan<br>B04,<br>Kategori CE Pengkhususan<br>CE21 | BahagianPerolehan Tingkat 7, Menara HPAIC SEKSYEN 13 SHAH ALAM<br><br>Pada :<br><br>10Jun 2014<br>Hingga<br>24Jun 2014 | 1 Julai 2014<br><br>Jam 12.00<br>Tengahari |

1. Bayaran **Dokumen Tawaran** adalah **RM 400.00** dan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang** di atasnama **PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
2. NaskahDokumenMejaTawaranbolehdisemak di BahagianPerolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **10 Jun 2014**
3. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Kontraktor ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Kontraktor dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB) SERTA SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA** dan satu salinan bagi ketiga-tiga Sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
4. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan kedalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN**
**PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR**
**TINGKAT 7 MENARA HPAIC, LAMAN SERI BUSINESS PARK,**
**NO.7, PERSIARAN SUKAN SEKSYEN 13,**
**40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**
**No. Tel : 03-55201234**
**http://etender.pkns.gov.my**

5. Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.


# Sampah domestik bantu subur tanaman

**SHAH ALAM** - Usaha menjadikan Shah Alam bandaraya yang bersih murni melibatkan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan masyarakat.

Atas kesedaran itu, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) merancang mewujudkan sistem pelupusan berkonsepkan kitar semula yang bukan sahaja mengindahkan Shah Alam, tetapi juga pintar memanfaatkan sumber buangan.

Datuk Bandar, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan berkata MBSA sedang meneliti kaedah memproses buangan domestik seperti sisa makanan untuk dijadikan baja menyemai dan menyubur tumbuhan lanskap.

"Kita mahu asingkan tulang bekas makanan untuk diproses menjadi bahan seperti tepung.

"Kemudian kita boleh gunakan balik, jadi sistem pelupusan akan jadi lebih tersusun, persekitaran juga menjadi lebih baik," katanya.

Bagi menjayakan strategi ini, MBSA akan menubuhkan unit publisiti khusus bagi menarik sokongan masyarakat.

"Untuk itu, kita akan tubuhkan satu unit publisiti bagi mendidik masyarakat bahawa kebersihan harus bermula dari dapur rumah kita.

"Tetapi kita mesti guna teknik 'persuasive' (memujuk) dan mengajar secara berperingkat, jika tidak orang akan marah," katanya.



**Kita mesti guna teknik 'persuasive' (memujuk) dan mengajar secara berperingkat, jika tidak orang akan marah**

**DATUK MOHD JAAFAR**
Datuk Bandar MBSA

# PTD akan ambil tindakan



**Keadaan sampah sarap yang menjijikkan pandangan**

**SHAH ALAM** - Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Petaling berjanji untuk bertindak menyelesaikan isu tanah di Taman Rekreasi Tasik Seri Aman, Puchong, kata Adun Seri Serdang, Noor Hamin Ismail.

Hanim berkata, beliau mengadakan pertemuan dengan pihak PTD dan menggesa semua pemilikan tanah di tasik itu dibatalkan.

"Saya berjumpa dan berbincang dengan Pegawai Daerah (Datuk Mohd Misri Idris) mengenai perkara isu ini.

"Beliau berjanji akan bertindak segera untuk tujuan tersebut," katanya.

Sementara itu, Ahli Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Rosharizan Mohd Rozlan, meminta penduduk menjadi 'mata-mata' mengesan dalang aktiviti pembuangan sampah dan tambakan haram.

Rosharizan dan Jawatankuasa Keselamatan Penduduk (JKP) menawarkan ganjaran kepada pemberi maklumat yang membawa kepada penangkapan dalang.

"Ada laporan yang mengatakan pihak tertentu mengambil kesempatan dan membenarkan lori membuang sampah haram ke dalam tasik dengan mengenakan caj bayaran tertentu," kata beliau.

Hanim dan Rosharizan menyokong penuh pendirian Yang Dipertua MPSJ, Asmawi Kasbi menggesa PTD Petaling menguat-kuasakan Seksyen 125 Kanun Tanah Negara untuk merampas tanah-tanah itu dan diserahkan semula kepada Kerajaan Negeri.

## WAKTU SOLAT SELANGOR

### 6 - 13 Jun 2014
### 8 - 15 Sya'aban 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 06 Jumaat | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:15 | 4:40 | 7:23 | 8:39 |
| 07 Sabtu | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:15 | 4:40 | 7:24 | 8:39 |
| 08 Ahad | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:15 | 4:40 | 7:24 | 8:39 |
| 09 Isnin | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:15 | 4:41 | 7:24 | 8:40 |
| 10 Selasa | 5:30 | 5:40 | 7:03 | 1:15 | 4:41 | 7:24 | 8:40 |
| 11 Rabu | 5:30 | 5:40 | 7:04 | 1:16 | 4:41 | 7:25 | 8:40 |
| 12 Khamis | 5:30 | 5:40 | 7:04 | 1:16 | 4:41 | 7:25 | 8:40 |
| 13 Jumaat | 5:30 | 5:40 | 7:04 | 1:16 | 4:42 | 7:25 | 8:41 |

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

| | Imsak | Subuh | Syuru' | Zuhur | Asar | Maghrib | Isyak |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 06 Jumaat | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:17 | 4:42 | 7:26 | 8:41 |
| 07 Sabtu | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:17 | 4:42 | 7:26 | 8:41 |
| 08 Ahad | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:17 | 4:42 | 7:26 | 8:41 |
| 09 Isnin | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| 10 Selasa | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:17 | 4:43 | 7:26 | 8:42 |
| 11 Rabu | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:18 | 4:43 | 7:27 | 8:42 |
| 12 Khamis | 5:32 | 5:42 | 7:06 | 1:18 | 4:43 | 7:27 | 8:42 |
| 13 Jumaat | 5:32 | 5:42 | 7:06 | 1:18 | 4:44 | 7:27 | 8:43 |


JKR

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

| Pejabat yang memanggil tender | Tajuk Projek (Pembiayaan) | Taraf/Jenis Syarikat | Taraf | Gred, Kategori, Pengkhususan | Tempat & Tarikh Dokumen Dijual | Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor** | Kerja-kerja Mem-baikpulih Permukaan Jalan Rosak Di Jalan Taman Putra, Di Mukim Ampang, Di Dalam Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan.<br><br>JKR/SEL(N) 023(T)/ 2014 | Bumiputra T1 | Bumiputera<br><br>Diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor | CIDB<br><br>Gred : G3<br><br>Kategori : CE<br><br>Pengkhususan: CE01, CE21 | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.<br><br>Pada 5.6.2014 (Khamis) Sehingga 18.6.2014 (Rabu) | Lawatan Tapak **DIGALAKKAN** | **RM145.00**<br><br>(Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)<br><br>Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor<br><br>**25.6.2014 (Rabu)** Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari. |

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di / Lembaga Pembinaan Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam Gred, Kategori, Pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

JKR

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

| Pejabat yang memanggil tender | Tajuk Projek (Pembiayaan)** | Taraf/Jenis Syarikat | Syarat Pendaftaran | Tempat & Tarikh Dokumen Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor** | KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK DI SEK. 0.0 – SEK. 3.0 DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN PUCHONG, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN<br><br>JKR/SEL(N)/ 026(T)/ 2014 | Bumiputra T1 | CIDB<br><br>Gred : G3<br>Kategori : CE<br>Pengkhususan: CE01<br><br>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.<br><br>Tarikh Dokumen Dijual:<br><br>**09/06/2014 (Isnin)**<br><br>Sehingga<br><br>**23/06/2014 (Isnin)** | **RM200.00**<br><br>(Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)<br><br>Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor<br><br>Pada: **01/07/2014 (Selasa)**<br><br>Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.<br><br>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan. |
| Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Jalan, JKR Selangor. No. Tel: 55447705 | | | | | | |

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

JKR

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan bagi kerja/bekalan berikut:-

| Pejabat yang memanggil tender | Tajuk Projek (Pembiayaan) | Taraf/Jenis Syarikat | Syarat Pendaftaran | Tempat & Tarikh Dokumen Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor** | KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PERMUKAAN JALAN YANG TELAH ROSAK DENGAN MENAIKTARAF DAN MENAIKARAS DARI SEK. 0.0 – SEK. 1.5 DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI JALAN WELFARE, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN<br><br>JKR/SEL(N)/ 021(T)/ 2014 | Bumiputra T1 | CIDB<br><br>Gred : G3<br>Kategori : CE<br>Pengkhususan: CE01& CE21<br><br>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor.<br><br>Tarikh Dokumen Dijual:<br><br>**09/06/2014 (Isnin)**<br><br>Sehingga<br><br>**23/06/2014 (Isnin)** | **RM200.00**<br><br>(Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan)<br><br>Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor<br><br>**Pada: 01/07/2014 (Selasa)**<br><br>Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.<br><br>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan. |
| Lawatan Tapak Digalakkan. Sebarang pertanyaan hubungi Bahagian Jalan, JKR Selangor. No. Tel: 55447705 | | | | | | |

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

***Jenis Pendaftaran:**
- T1 Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
- A1 Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
- A2 Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
- T2 Tidak berkenaan

Selangor Kini

MASALAH SAMPAH?
Hubungi Talian Bebas Tol
1-800-88-2824

OLEH **NAEEM RAFFI**

Misteri surat putih

# Konspirasi burukkan PR atau komplot rampas tanah rakyat?

**SIASATAN** Selangor Kini ke atas isu penambakan Taman Rekreasi Tasik Seri Aman menimbulkan beberapa petunjuk penting. Pertama, wartawan diberitahu tanah gazet itu diagih-agihkan kepada 12 sehingga 20 lot kepada individu-individu tertentu.

Kedua, penduduk memberitahu, individu-individu terbabit menggunakan 'surat putih' yang diperoleh dari Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Petaling untuk menambak tasik itu bagi tujuan masing-masing.

Ketua Kampung Seri Aman, Mohd Asri Yunus, berkata 'surat putih' itu bukan pemilikan mutlak. 'Surat putih' itu hanyalah resit. Resit itu mengesahkan individu-individu berkenaan berhubung dan menjalankan urusan di PTD Petaling.

"Kesemua mereka hanya menerima 'surat putih', tetapi mengaku kepada penduduk kampung seolah-olah tanah tersebut sudah jadi hak milik mereka," kata beliau.

Selangor Kini juga difahamkan proses penjualan dan pemilikan tanah tidak mudah kerana ia melibatkan beberapa proses mesyuarat dan timbang tara.

Persoalannya, mengapa individu-individu itu berani menggunakan resit itu untuk menambak sampah di tanah-tanah yang bukan milik mereka?

Adun Seri Serdang mengesyaki adanya konspirasi terancang untuk memburukkan nama baik Kerajaan Negeri, MPSJ dan Pejabat Adun.

"Ini adalah sabotaj. Tanah itu dibahagikan dalam kalangan pihak tertentu dan pihak itu juga yang menambak tasik guna sampah.

"Bila isu ini timbul, mereka memanggil media perdana untuk buat liputan kes pencemaran dengan menyalahkan Adun dan PBT," dakwa Noor Hanim Ismail.

Mungkinkah bermotifkan politik, atau individu-individu itu sebenarnya cuba memaksa tangan PTD, MPSJ dan Kerajaan Negeri untuk menyerahkan kawasan tasik itu kepada mereka selepas ia siap ditambak?

Sekiranya itu motif mereka, tindakan pantas Adun, PBT dan Kerajaan Negeri dengan kerjasama penduduk menghalang kerja-kerja tambakan itu memastikan komplot itu tidak berjaya.

## Exco: Jangan rumitkan isu, rampas jika salah

**KERAJAAN** Negeri tidak akan bertolak-ansur dengan manamana pihak yang menyalahi undang-undang.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Teng Chang Khim berkata beliau akan mengarahkan pihak berkuasa untuk mengambil tindakan segera keatas isu Taman Rekreasi Tasik Seri Aman dan individu-individu yang terlibat kerana ia melibatkan tanah Kerajaan.

"Surat putih itu bukan dokumen (pemilikan tanah) yang sah, jika perkara ini terbukti benar-benar berlaku, jadi pejabat tanah perlu ambil tindakan.

"Sekiranya individu terlibat tidak dapat tunjukkan geran tanah yang sah, mereka tiada hak untuk lakukan sebarang kerja tanah," tegas Chang Khim.






Kerja-kerja awal pembersihan oleh MBPJ dan usaha menghalang aktiviti penambakan tasik menggunakan sampah dan sisa binaan yang dilakukan pihak tidak bertanggungjawab di Taman Rekreasi Tasik Sri Aman




Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh Percetakan Turbo (M) Sdn Bhd (140879-U), No. 8, Jalan Sekinchan 26/9, Seksyen 26, Shah Alam, Selangor. Telefon: 03-51929800 Faks: 03-51929819